

14/10/2003

Pengalaman Dr M jadi contoh

Kadir Dikoh

"DALAM dunia ini, ramai pemimpin Islam yang cakap tak serupa bikin. Tetapi, ada hanya seorang pemimpin Islam yang mampu menegakkan Islam dan memperjuangkan nasib ummah iaitu Dr Mahathir." Itulah antara kata-kata seorang penceramah di Speaker's Corner di Hyde Park, London, baru-baru ini.

Penceramah itu sambil memegang bendera Palestin yang dipercayai rakyat Pakistan berdasarkan paras rupa dan caranya bercakap, tidak sedar bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara pendengar yang berada di celah orang ramai yang berkerumun di situ ketika itu.

Perdana Menteri yang diiringi beberapa pengawal peribadinya dan pegawai kedutaan berhenti seketika sewaktu melalui kawasan itu ketika berjalan kaki sambil menghirup udara segar di kota London untuk balik ke Hyde Park Gate Apartmen, ketika melawat London 22 September lalu.

"Sebaik mendengar namanya disebut, Perdana Menteri dengan cepat bergegas keluar di celah orang ramai kerana tidak mahu dikenali. Jika orang ramai tahu yang Dr Mahathir berada di situ, mungkin beliau diserbu untuk bersalam.

"Perdana Menteri sendiri terkejut kerana perkara ini tidak disangka-sangka dan mungkin sudah menjadi ketentuan Allah. Tetapi, Perdana Menteri tidak bercakap apa-apa mengenai peristiwa itu kemudian," kata seorang daripada pengawal peribadinya, Sarjan Mejar Ismail Manaf, 57.

Ismail berkata, pihaknya tidak tahu sama ada penceramah terbabit terus memuji atau bercakap dengan lebih lanjut mengenai Dr Mahathir selepas itu.

Kunjungan Perdana Menteri ke London itu adalah untuk menyampaikan syarahan bertajuk "Islam dan Ummah: Menilai Semula dan Membina Semula Diri Kita Dalam Menghadapi Cabaran Baru" di Sekolah Pengajian Oriental dan Afrika, Universiti London.

Beliau diundang oleh universiti itu bagi menyampaikan pandangannya mengenai Islam, terutama dalam konteks dunia hari ini kepada ahli akademik dan pelajar sekolah pengajian itu sebelum berlepas untuk lawatan rasmi dua hari ke Sweden.

Di pangsapuri kediamannya di Hyde Park itu, Dr Mahathir banyak menghabiskan masa menulis ucapan berkenaan seperti juga ketika dalam pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) dari Kuala Lumpur, beliau turut menulisnya.

Dalam ucapannya selama kira-kira 40 minit itu, Perdana Menteri menghuraikan pelbagai faktor kejatuhan kegemilangan Islam sehingga menjadikan umatnya lemah dan dipandang rendah, manakala Islam sendiri dicap sebagai agama yang mengajar keganasan.

Sambil mengakui tajuk syarahannya itu amat sensitif dan kontroversi, Dr Mahathir berkata bahawa yang jelas bukan saja Islam, malah amalan semua agama, ideologi dan sistem nilai masyarakat dunia perlu dikaji semula berikutan perubahan daripada ajaran asal mereka akibat peredaran zaman.

Sambil memetik kata hukama yang bermaksud: "Semua yang buruk adalah daripada kita dan semua yang baik datang dari Allah," Perdana Menteri berkata umat Islam mesti akur bahawa nasib buruk dihadapi mereka sekarang seperti penindasan dan penghinaan ke atas Islam adalah berpunca daripada mereka sendiri, bukannya takdir.

Nama Dr Mahathir memang sinonim bukan saja di antara negara membangun dan miskin, malah di kalangan negara Islam, antara lain kerana kepemimpinannya yang berjaya membawa kemajuan kepada Malaysia sebagai

negara contoh bagi negara Islam.

Amat tepat kali ini bagi Dr Mahathir mempengerusikan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Islam di Putrajaya ketika umat Islam sejagat memerlukan seorang pemimpin yang berani bersuara atas kebenaran, bukan takut kepada bayangan kuasa besar.

Umum mengetahui Pengerusi OIC sekarang iaitu Qatar adalah di bawah bayangan Amerika Syarikat (AS). Nescaya ucapan Pengerusi baru OIC iaitu Dr Mahathir kali ini memang dinantikan oleh pemimpin mewakili 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) itu.

Lantas, tema sidang kali ini iaitu "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah" memang sinonim dengan perjuangan Perdana Menteri yang kerap kali menekankan mengenai pentingnya ilmu pengetahuan.

Itulah antara isu yang dijangka menjadi perhatian utama dan tema itu dipilih kerana kebanyakan negara anggota OIC kurang maju dan ini boleh diperbaiki melalui pengetahuan.

Diakui, ramai saintis dan pakar Islam tinggal di negara bukan Islam, malah berjaya mencipta nama termasuk di AS. Hatta, ilmu pengetahuan amat relevan dengan dunia sekarang untuk mencapai kemajuan dalam kemakmuran dan kesejahteraan. Malah, jika mahu menjadi pengeluar utama produk pertanian pun memerlukan pengetahuan teknologi maklumat, sains dan teknologi.

Dalam pada itu, memang ada keperluan untuk membina kekuatan moral umat Islam bagi membolehkan mereka menghadapi dunia dan menyampaikan pandangan dengan lebih bijak.

Kini adalah revolusi ilmu maklumat dan umat Islam mesti memastikan tidak ketinggalan dan berdasarkan hakikat realiti ini jugalah, Malaysia memilih subjek pengetahuan dan moraliti sebagai tema sidang OIC kali ini.

Bagaimana untuk membina kecemerlangan ummah melalui pendidikan? Pendidikan merujuk kepada proses menerima ilmu, mengingat, mengolah serta dicernakan sehingga ia dapat diamalkan dalam kehidupan. Ilmu yang dituntut merangkumi ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Ilmu fardu ain wajib ke atas orang Islam, manakala ilmu fardu kifayah hendaklah dikuasai sekurang-kurangnya segolongan tertentu terutama dalam bidang tertentu untuk kemajuan hidup ummah.

Kemajuan akan dapat dicapai melalui penguasaan terhadap pelbagai ilmu kerana tanpa ilmu, sesuatu kerja tidak akan membuahkan hasil yang baik dan tepat bahkan orang yang jahil (tidak berilmu) boleh menyampaikan sesuatu maklumat yang salah serta boleh menjejaskan kehidupan masyarakat.

Akhlak ummah yang tinggi pula akan menjadi asas kepada perjuangan dan cita-cita hidup setiap individu Muslim ke arah menjayakan idealisme Islam. Ia melahirkan keikhlasan dan ikatan emosi seseorang kepada perjuangan Islam.

Dr Mahathir sendiri kerap kali menyatakan bahawa masyarakat bukan Islam yang maju di dunia ini bukan kerana memiliki kuasa ghaib dan mereka adalah juga manusia biasa seperti umat Islam tetapi menguasai pelbagai bidang kemahiran termasuk mencipta senjata.

"Kita ditindas, kita lemah. Jika kita mahu menentang musuh, bukan dengan perasaan marah meletupkan bom pada badan kerana tindakan itu tidak akan memberi kesan kepada Islam itu sendiri kecuali berbalas dendam dan pembunuhan terus berlaku.

"Sebaliknya, kita belajar, timba ilmu dan pada masa sama kita harus bersabar. Dengan ilmu pengetahuan, kita dapat menentang musuh secara bijak. Pada mulanya mungkin sukar tetapi lama kelamaan kita akan menjadi kuat," katanya berucap menutup Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Islam di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dunia Islam kini berada dalam keadaan dilema kerana sentiasa dipandang dengan penuh kesangsian oleh masyarakat Barat. Mereka hairan bagaimana agama yang dikatakan meletakkan keamanan dan kesejahteraan sebagai

terasnya melahirkan Osama bin Laden, pemusnah ikon New York, meledakkan bom di badan, membunuh orang ramai di Bali dan di tempat lain. Mereka ingin tahu benarkah konsep `jihad' itu menjadikan semua orang Islam pengebom berani mati.

Presiden Philadelphia University, Jordan, Prof Adnan Badran mencadangkan Dr Mahathir yang bersara akhir bulan ini, memperuntukkan dua hingga tiga tahun akan datang untuk berkongsi pengalamannya dengan negara Islam lain.

Beliau berkata, pengalaman Dr Mahathir sebagai pemimpin yang mengharumkan nama Malaysia dalam dunia Islam dapat dijadikan contoh untuk memajukan ummah di seluruh dunia.

"Malaysia bertuah mempunyai pemimpin seperti Dr Mahathir tetapi beliau akan bersara selepas persidangan OIC berakhir. Saya berharap beliau dapat menggunakan cuti antara dua hingga tiga tahun atau lebih selepas ini untuk berkongsi pengetahuan dan pengalamannya sepanjang menjadi pemimpin sebuah negara Islam," katanya pada Persidangan Sains dan Teknologi OIC, di ibu negara baru-baru ini.

Mungkin sidang OIC kali ini dapat merenung ke dalam diri ummah dan negara Islam itu sendiri mengenai apa yang patut dilakukan. Kita tidak mahu ilmuan Islam hanya berkokok di gelanggang sendiri.

Amat jelas usaha menerapkan nilai ilmu terutama dalam bidang sains, teknologi dan matematik memang kurang diberi perhatian oleh kebanyakan negara Islam kerana tanpa ilmu, kekayaan sumber seperti minyak dan gas, tidak akan memberi manfaat sepenuhnya.

Pada zaman dulu orang Arab adalah bangsa yang gagah, maju dan memiliki ilmu yang penting seperti hisab, falak, sains, pelayaran dan sebagainya, selain daripada agama. Sesiapa yang ingin mempelajari ilmu yang diterokai oleh orang Arab terpaksa mempelajari bahasa Arab.

Tetapi hari ini bahasa ilmu ialah bahasa Inggeris. Jika kita tidak ingin menjadi bangsa yang mundur maka terpaksa kita belajar dan fasih dalam bahasa Inggeris. Demikian juga jika ingin tingkatkan daya keluaran kita, supaya pendapatan kita bertambah, maka tiap pekerja mestilah menguasai bahasa Inggeris.

Strategi dan pendekatan Malaysia untuk membangunkan negara, menaikkan taraf hidup rakyatnya ialah dengan jati diri dan membentuk pendekatan sendiri setelah memeriksa dengan halus cara dan pendekatan orang lain.

Justeru, umat Islam akan terus berputih mata tanpa berupaya berbuat apa-apa untuk saudara mereka terutama rakyat Palestin yang terus ditindas selagi mereka tidak bangkit untuk memajukan diri sejajar tuntutan fardu kifayah.

Dr Mahathir sendiri pernah menyatakan umat Islam tidak seharusnya terlampau taksab menimba ilmu mengenai Islam saja dengan mengabaikan ilmu duniawi dalam bidang sains dan teknologi yang seketika dulu pernah dikuasai umat Islam.

Isu ini sudah pasti turut disentuh oleh Dr Mahathir pada sidang OIC kali ini kerana sebagai Perdana Menteri sebuah negara Islam, beliau juga mempunyai tanggungjawab besar untuk mengubah sikap dan persepsi tradisi rakyatnya.

Ini bagi membuktikan bahawa Islam bukan hanya terhad kepada aspek berkaitan pentadbiran, politik dan ekonomi saja. Malah, kepercayaan yang diberikan sebagai pemimpin sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia pula adalah tanggungjawabnya untuk memastikan wujud keharmonian kaum, kestabilan politik dan ekonomi.

Malah, ilmu tanpa moral adalah bahaya, sebaliknya moral tanpa ilmu akan menyekat potensi individu dan komuniti sesebuah negara. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat Islam untuk sentiasa dilengkapi dengan ilmu pengetahuan.

Masyarakat Islam sebenarnya terlepas pusingan pertama kerana walaupun

pada awalnya banyak ilmu datang dari negara Islam dan kita mempunyai ramai pakar tetapi apabila revolusi perindustrian, kita tertinggal kerana tidak mengejar revolusi itu.